

BAB ENAM

RUMUSAN KAJIAN DAN SARANAN


6.0 Pendahuluan

Bab ini membicarakan rumusan kajian yang telah dikaji pada bab-bab terdahulu. Selain itu, beberapa saranan juga dikemukakan di dalam bahagian ini.

6.1 Rumusan Kajian

Paradigma Al-Imām Al-Nawawi dalam pembangunan insan tertumpu kepada pembangunan rohani sebagai asas kepada pembangunan yang lain. Justeru, beliau telah menumpukan pembangunan rohani sebagai subjek pembangunannya. Pembangunan-pembangunan yang lain hanya dinyatakan secara tidak langsung.


CARTA 6: PROSES PEMBANGUNAN INSAN MENURUT PARADIGMA AL-NAWAWI



Secara umumnya, penilaian paradigma Al-Imām Al-Nawawi dalam proses pembangunan insan ini dapat pengkaji gambarkan sebagaimana Carta 6.

Segala perbincangan Al-Imām Al-Nawawi adalah merujuk kepada pembangunan kualiti diri insan yang merupakan proses pertama dalam pembangunan insannya. Setiap usaha pembangunan adalah semata-mata dirujuk kepada pembangunan diri insan itu sendiri yang menjadi punca kepada pembangunan keseluruhan. Justeru, seluruh isi kandungan Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn adalah membicarakan tentang aspek pembangunan diri insan yang disampaikan dengan metodologi yang terbaik dan sangat berkesan (lihat gambarajah 1).

GAMBARAJAH 1: KEDUDUKAN METODOLOGI DAN ISI KANDUNGAN YANG TERDAPAT DI DALAM KITĀB RİYĀḌ AL-ŠOLİHİN



Aspek pembangunan diri insan yang disampaikan dengan metodologi beliau yang tersendiri adalah berasaskan kepada metodologi Al-Quran dan Hadith lalu menjadikan proses pembangunan insan yang ingin beliau bangunkan berjaya dan berkesan. Kerana metodologi yang baik, betul dan berkesan sahaja yang mampu menjadikan segala isi kandungan pembangunan insan boleh dicapai.

Metodologi Al-Quran dan Hadith Sahihah dalam huraiān isi kandungan merupakan faktor utama Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn diterima dalam dunia Islam. Kedua-dua sumber ini terutamanya penggunaan Hadith Sahihah menjadikan kekuatan utama Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn sehingga segala huraiān yang beliau sampaikan tidak boleh disanggah oleh mereka yang menganggap diri mereka sebagai muslim.

Beliau juga telah berjaya memikat pembaca Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn melalui metodologi penyampaiannya dengan mengutamakan pemilihan hadith-hadith targhib

berbanding hadith-hadith tarhib untuk membawa pembaca kepada pembangunan yang diharapkan. Melalui metodologi inilah keghairahan dan motivasi umat Islam untuk membangunkan diri untuk menjadi insan yang kamil dan soleh dapat dipupuk.

Pemilihan hadith-hadith yang jelas maknanya dan mudah pemahamannya di samping galakan daripada Al-Imām Al-Nawawi sendiri supaya berpegang teguh kepada kehidupan sunnah Rasulullah s.a.w menjadikan Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihin tersebar dan terkenal di kalangan semua peringkat masyarakat dalam dunia Islam.

Keistimewaan metodologi Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihin juga dapat dilihat melalui pemilihan hadith-hadith yang berbentuk suruhan positif berbanding yang berbentuk larangan yang negatif. Sememangnya, fitrah insan lebih menyukai sesuatu suruhan yang positif berbanding dengan larangan-larangan yang berbentuk negatif.

Selain itu, keindahan Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihin juga terserlah melalui susunannya yang praktikal untuk peringkat pembangunan diri insan. Melalui usaha pembangunan berperingkat yang betul dengan menumpukan dahulu pembangunan diri insan dalam rangka hubungannya kepada Allah S.W.T berbanding dengan pembangunan-pembangunan yang lain, membolehkan pembangunan diri insan yang sempurna dapat dilaksanakan secara praktikal.

Proses pembangunan insan oleh Al-Imām Al-Nawawi juga memperlihatkan bahawa kelakuan insan dimanifestasikan kepada Allah S.W.T, masyarakatnya, diri sendiri dan agamanya.

Menifestasi kelakuan insan kepada Allah S.W.T boleh dilihat dalam pembangunan akhlak insan kepada Allah S.W.T, pembangunan ibadat dan pembangunan batasan agama. Manakala, manifestasi kelakuan insan kepada masyarakat pula boleh dilihat dalam pembangunan akhlak sesama insan, pembangunan sosial dan pembangunan batasan agama. Selain itu, manifestasi insan terhadap dirinya sendiri

boleh dilihat dalam pembangunan adab kehidupan, pembangunan ilmu dan pembangunan batasan agama. Yang terakhir daripada manifestasi kelakuan insan ialah terhadap agamanya yang boleh dilihat dalam pembangunan jihad.

Melalui pencapaian kualiti insan yang telah diusahakan terdiri daripada 102 aspek yang hendak dibangunkan dan 102 aspek batasan agama yang perlu dijauhi, terhasilah pembangunan insan yang boleh dilihat dalam aspek-aspek pembangunan akhlak kepada Allah, pembangunan akhlak sesama insan, pembangunan sosial, pembangunan ibadat, pembangunan jihad, pembangunan ilmu dan pembangunan batasan agama sepertimana yang dibincangkan oleh pengkaji pada bab yang terakhir.

Tujuh pembangunan yang terakhir di atas merupakan hasil daripada pembangunan terasnya iaitu akhlak insan kepada Allah S.W.T. Akhlak insan kepada Allah yang berjumlah 22 sifat inilah yang mencerminkan segala pembangunan yang lain. Sebab itulah Al-Imām Al-Nawawi telah membincangkan aspek akhlak insan kepada Allah S.W.T diawal-awal Kitāb Riyād al-Šolihin ini.

Kesan daripada terhasilnya pembangunan insan dalam lapan aspek di atas, insan akan mencapai kesolehan yang sempurna selain mencapai faedah-faedah untuk kehidupan umat Islam di dunia. Contoh-contoh yang dibawakan oleh pengkaji dalam perbincangan bab terdahulu, penulisan Al-Imām Al-Nawawi ada menjelaskan bahawa faedah-faedah yang terhasil daripada pembangunan insan yang sempurna di dunia antaranya seperti terpelihara daripada syaitan, bala bencana dan kemudharatan, mendapat kasih sayang Tuhan dan keampunanNya, mendapat kasih manusia, keberkatan dan sebagainya. Selain itu, keharmonian, keamanan, kesejahteraan kehidupan umat Islam di dunia sudah pasti terhasil sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah S.W.T dalam firmanNya,

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُتْسَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُخْبِئَنَّ حَيَاةً طَيِّبَةً

Ertinya, "Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik (di dunia)." (al-Nahl: 97 ; Abdullah Basmeih, 1999: 659)

Melalui kehidupan yang baik inilah pembangunan material seperti ekonomi, insfrastuktur, pertanian dan lain-lain dapat dibangunkan di atas landasan yang betul, mudah dan sempurna. Sebagai contoh, jika semua orang Islam telah terbiasa hidup daripada hasil usaha sendiri yang halal, tidak meminta-minta kepada manusia dan tidak membuang masa tanpa tujuan, sudah tentu pembangunan ekonomi di kalangan muslim akan terpelihara dan kukuh berbanding dengan umat yang lainnya.

Pembangunan insan yang sempurna ini selain mendapat kehidupan yang baik di dunia, mereka juga memperoleh hasil yang baik di alam akhirat. Sebagaimana perbincangan kita yang lalu, insan kamil yang mengamalkan amalan-amalan tertentu boleh mendapat keampunan, syafaat, darjat yang tinggi, pahala yang besar, ganjaran yang tinggi di hari Penghisaban dan kesudahan yang terakhirnya, nikmat Syurga yang kekal abadi. Sebagaimana yang dijelaskan juga, sebahagian ganjaran yang tersebut di atas di dalam firman Allah S.W.T yang menjelaskan kedudukan insan yang soleh dan kamil. FirmanNya,

وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَالِحًا يُكَفَّرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيُدْخَلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا
أَلْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Ertinya, "Dan (ingatlah), sesiapa yang beriman kepada Allah serta mengerjakan amal soleh, nescaya Allah mengampunkan dosa-dosanya dan memasukkannya ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; yang demikian itulah kemenangan yang besar." (al-Taghabun: 9 ; Abdullah Basmeih, 1999: 1520)

Jelas, paradigma Al-Imām Al-Nawawi dalam pembangunan insan adalah begitu lengkap dan halus sehingga menyentuh segala perkara yang sekecil-kecilnya agar kebahagiaan insan dapat dicapai kepada setiap umat Islam.

6.2 Saranan

Daripada perbincangan kita yang lalu pengkaji menyarankan,

1. Penterjemahan Kitāb Riyād al-Šolihīn

Memandangkan keistimewaan Kitāb Riyād al-Šolihīn yang begitu besar kepada pembangunan insan, sewajarnya para ulama berusaha menterjemahkannya dengan lebih baik kerana terjemahan yang ada sekarang ini tidak dapat memenuhi kriteria terjemahan yang baik seperti sukar difahami kerana kebanyakkan diterjemahkan di Indonesia. Jika ada pun seperti terjemahan oleh bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, tetapi masih belum diselesaikan penterjemahannya, kerana tidak semua umat Islam mengetahui bahasa Arab. Dengan adanya terjemahan yang baik dan sempurna, sudah pasti semua golongan masyarakat dapat mengambil manfaat yang besar untuk membangunkan diri mereka agar mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Mereka juga wajar menyusun kitab yang mengulas Kitāb Riyād al-Šolihīn ini dengan lebih jelas dan mendalam agar kefahaman terhadap maksud dan pengertian hadith-hadith serta ayat Al-Quran dapat dicapai walaupun dengan hanya membacanya. Ini memandangkan tidak semua golongan masyarakat mempunyai kesempatan yang luas untuk mempelajari kitab ini secara terus melalui guru. Justeru, jika mereka tidak berpeluang untuk memahami isi kandungan Kitāb Riyād al-Šolihīn, sudah tentu kesedaran kepada pembangunan diri mereka tidak dapat dipupuk.

2. Penggunaan Kitāb Riyād al-Šolihīn sebagai sumber utama pengajaran

Disarankan kepada para ulama dan guru agar menjadikan Kitāb Riyād al-Šolihīn sebagai kitab pengajaran utama dalam pengajaran mereka di masjid-masjid dan di surau-surau agar pembangunan individu dan masyarakat dapat dibangunkan dengan

baik. Metodologi susunan yang baik dan kaedah penyampaian yang berkesan menjadikan kitab ini amat sesuai untuk menarik minat lebih ramai audien kepada pengajaran yang disampaikan. Seterusnya, dapat membantu ke arah pembangunan masyarakat Islam yang lebih sempurna.

Para pemerintah dan pendidik sekolah perlu menjadikan *Kitāb Riyād al-Šolihīn* sebagai kitab pengajaran utama agama Islam di sekolah. Ini adalah kerana, *Kitāb Riyād al-Šolihīn* merupakan kitab yang paling lengkap dan paling berkesan dalam pembangunan insan. Masalah keruntuhan morak dan akhlak sudah pasti dapat dielakkan jika kitab ini dapat dihayati dengan baik oleh setiap pelajar di sekolah kerana kitab ini menyediakan asas utama kepada pembaikan akhlak insan melalui keinsafan terhadap alam akhirat yang menjadi matlamat utama kebahagiaan manusia. Malah rasa ketakutan terhadap azab di alam akhirat boleh mendorong mereka menjauhi batasan-batasan agama.

3. Penggunaan *Kitāb Riyād al-Šolihīn* sebagai kitab bacaan harian keluarga

Bagi pembangunan keluarga termasuk isteri dan anak-anak dari segi agama dan kerohanian, adalah perlu bagi para ibu bapa dan suami menjadikan *Kitāb Riyād al-Šolihīn* sebagai kitab bacaan harian bersama isteri dan anak-anak. Dengan memilih satu waktu untuk ahli keluarga berkumpul dan membacakan *Kitāb Riyād al-Šolihīn* ini kepada mereka sudah tentu pembangunan agama dan kerohanian mereka dapat dibangunkan dengan lebih baik.

Sebagai ingatan, ibu bapa bertanggungjawab kepada anak-anak manakala suami bertanggungjawab kepada isteri dari segi memberi didikan agama malah, mereka akan ditanya tentang tanggungjawab ini pada hari Kiamat kelak. Salah satu jalan untuk melepaskan tanggungjawab ini ialah dengan memberikan pendidikan kepada mereka

dengan menjadikan Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn sebagai kitab sandaran pembangunan kerohanian.

4. Penggunaan metodologi targhib sebagai keutamaan dalam dakwah

Metodologi targhib adalah merupakan metodologi yang penting dalam pendakwahan dalam usaha membangunkan insan, kerana sememangnya manusia suka kepada kata-kata yang manis, menggalakkan dan memberi semangat. Justeru, adalah penting agar para pendakwah menggunakan metodologi ini supaya hubungan yang lebih rapat dengan orang yang didakwah dapat dipupuk. Melalui hubungan yang rapat inilah segala usaha ke arah pembangunan insan yang didakwahkan dapat dilaksanakan dengan mudah. Namun, sesekali para pendakwah perlu juga menggunakan metodologi tarhib terutamanya kepada orang yang bersikap degil. Penggunaan kedua-dua kaedah ini sebaik-baiknya hendaklah dalam nisbah enam untuk metodologi targhib berbanding empat untuk metodologi tarhib sebagaimana contoh penggunaan kedua-duanya dalam Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn.

Perkara lain yang penting juga ialah para pendakwah dalam membangunkan insan perlulah menggunakan kata-kata yang berbentuk positif seperti ‘buatlah seperti begini dan begitu’ dan menjauhi kata-kata yang berbentuk negatif seperti ‘jangan buat begini dan begitu’. Ini adalah bagi mencontohi Al-Imām Al-Nawawī yang memilih metodologi hadith dalam bentuk positif dan negatif dengan nisbah 7:3. Sememangnya, sifat semulajadi insan adalah lebih suka dan lebih cenderung kepada kata-kata yang positif berbanding negatif sebagaimana yang telah disarankan oleh ahli psikologi barat.

5. Pemilihan bahasa yang mudah dan jelas dalam dakwah dan khutbah

Para pendakwah, pendidik, pemidato dan pengkhutbah adalah disarankan supaya menggunakan bahasa yang mudah dan jelas kerana mengikut Al-Imām Al-Nawawī

bahawa penggunaan bahasa yang mudah dan jelas dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan.

6. Tidak memperlekehkan hadith-hadith yang berbentuk ḍa'if

Adalah disarankan kepada mereka yang kurang kefahaman tentang hadith ḍa'if agar tidak memperkecilkan hadith jenis tersebut. Kebanyakan ulama hadith dan fekah malah Al-Imām Al-Nawawī sendiri telah mengkategorikan jenis-jenis hadith ḍa'if yang boleh digunakan terutamanya bagi tujuan galakan beramal, kerana hadith-hadith ini pada asalnya masih mempunyai sanad yang lengkap walaupun terdapat kelemahan dalamnya. Hadith yang benar-benar ditolak sama sekali menurut ulama hadith ialah hadith yang *Maudū'* iaitu hadith yang direka-reka atau dicipta yang sememangnya tidak datang daripada nabi.

7. Pengkajian yang lebih mendalam terhadap Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn

Saranan pengkaji yang terakhir ialah harapan pengkaji agar Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn dikaji dengan lebih mendalam dan lebih spesifik terutama dari aspek huraihan terhadap perkara-perkara pembangunan yang telah dikategorikan oleh pengkaji berjumlah 204 perkara kesemuanya. Kemungkinan pengkajian yang boleh dilakukan pada masa akan datang ialah pengkajian yang lebih menjurus kepada satu-satu kategori pembangunan insan seperti pengkajian kepada pembangunan akhlak insan kepada Tuhannya yang lebih menumpukan kepada huraihan tiap-tiap sifat yang dikehendaki oleh Al-Imām Al-Nawawī daripada sifat sabar dan seterusnya.